

## **TERMA DAN SYARAT PERADUAN TIKTOK #TEROKAMALAYSIABERSAMAPLUS**

### **1. PENGANJUR**

- 1.1. Peraduan TikTok #TerokaMalaysiaBersamaPLUS (“**Peraduan**”) ini dianjurkan oleh PLUS Malaysia Berhad (“**Penganjur**”) dengan kerjasama Tourism Malaysia (“**Rakan Strategik**”).

### **2. TEMPOH**

- 2.1. Peraduan ini akan berlangsung dari **1 Ogos 2025** pada jam 12:00:01 waktu Malaysia (GMT+8) sehingga **16 September 2025** pada jam 23:59:59 waktu Malaysia (GMT+8) (“**Tempoh Peraduan**”).
- 2.2. Pihak Penganjur berhak untuk memendekkan atau melanjutkan Tempoh Peraduan tanpa memberi sebarang notis terlebih dahulu. Penyertaan yang diterima selepas Tempoh Peraduan tamat adalah dianggap terbatal.

### **3. KELAYAKAN**

- 3.1. Peraduan ini terbuka kepada semua warganegara dan bukan warganegara Malaysia, berumur 18 tahun ke atas yang merupakan ahli PLUSMiles, menetap, mempunyai alamat kediaman yang sah di Malaysia serta MyKad/MyPR/passport dengan visa yang sah (“**Peserta yang Layak**”).
- 3.2. Kakitangan tetap dan/atau kontrak Penganjur serta anak syarikat dan/atau syarikat-syarikat berkaitan dan ahli keluarga terdekat (iaitu pasangan, anak, ibu bapa, abang, kakak dan adik) juga layak menyertai Peraduan ini.

### **4. CARA MENYERTAI PERADUAN DAN KRITERIA KEMENANGAN**

- 4.1. Berikut ialah terma-terma dan syarat-syarat (“**Terma dan Syarat**”) penyertaan:

- (a) Peserta yang Layak perlu mempunyai dan menggunakan akaun TikTok sendiri. Peserta yang Layak perlu ikuti (*follow*) akaun TikTok **@plus\_malaysia** di <https://www.tiktok.com/@plusmalaysiaberhad?lang=en/> (“**Akaun TikTok PLUS**”);
- (b) Muat turun aplikasi Penganjur (“**PLUS App**”) di Apple App Store atau Google Play dan daftar sebagai ahli PLUSMiles;
- (c) Jarak minima perjalanan Peserta yang Layak sepanjang Tempoh Peraduan hendaklah sekurang-kurangnya 100 km di mana-mana lebuhraya kendalian Projek Lebuhraya Usahasama Berhad dan Lebuhraya Pantai Timur 2 Sdn. Bhd. seperti berikut:-
  - (i) Lebuhraya Utara – Selatan;
  - (ii) Lebuhraya Utara – Selatan Hubungan Tengah;
  - (iii) Lebuhraya Laluan Kedua Malaysia – Singapura;
  - (iv) Lebuhraya Butterworth – Kulim;
  - (v) Jambatan Pulau Pinang; atau
  - (vi) Lebuhraya Pantai Timur Fasa 2,(selepas ini dirujuk sebagai “**Lebuhraya PLUS**”);

- (d) Akses PLUS Passport melalui PLUS App sebelum memulakan perjalanan di Lebuhraya PLUS dan ikuti langkah-langkah mudah berikut untuk mendaftar masuk (*check-in*) sebanyak mungkin di mana-mana Kawasan Rehat & Rawat (R&R), Hentian Sebelah (*Lay-by*) atau lokasi yang di senaraikan di dalam PLUS Passport:
- (i) Langkah 1 : Buka PLUS App
  - (ii) Langkah 2 : Klik ikon PLUS Passport
  - (iii) Langkah 3 : Pilih butang “Event”
  - (iv) Langkah 4 : Klik pada lokasi anda di peta destinasi dan pilih Peraduan ini
  - (v) Langkah 5 : Klik butang “Let’s Check In”. Setiap “check-in” akan diberikan bonus 50 mata ganjaran PLUSMiles dan tambahan 50 mata ganjaran PLUSMiles untuk peserta yang memuat naik hantaran “story” di PLUS Passport.
- (e) Hasilkan video berdurasi tidak melebihi satu (1) minit yang merakamkan perjalanan kembara anda. Video tersebut digalakkan mempromosi lokasi tarikan pelancong, gerai makanan, warisan tempatan atau bangunan bersejarah yang terdapat di sepanjang rangkaian Lebuhraya PLUS;
- (f) Peserta yang Layak hendaklah memuat naik video penyertaan ke akaun TikTok persendirian dan memastikan akaun tersebut berada dalam tatapan awam (*public*) sehingga tamat Tempoh Peraduan bagi tujuan penjurian;
- (g) Video penyertaan harus disertakan dengan kapsyen yang menggambarkan erti sebenar Merdeka dan menggunakan Bahasa Malaysia;
- (h) Video penyertaan perlu mempunyai tag **@PLUS\_Malaysia** dan **@malaysia.truly.asia** beserta tanda pagar (*hashtag*) seperti yang berikut:  
**#TerokaMalaysiaBersamaPLUS #HariKebangsaan #CutiCutiMalaysia ;**
- (i) Hanya penyertaan yang mempunyai tag akaun Penganjur dan Tourism Malaysia berserta tanda pagar yang betul dan tepat akan diambil kira. Markah tambahan akan diberikan kepada Peserta yang Layak sekiranya video penyertaan menyatakan (*mention*) kepada tiga (3) akaun rakan untuk ikuti (*follow*) akaun Instagram PLUS;
- (j) Video penyertaan mestilah asli dan belum pernah digunakan untuk sebarang pertandingan dan penerbitan serta dimuatnaik sebelum jam 23:59:59 waktu Malaysia (GMT+8) tengah malam pada **16 September 2025**;
- (k) Video penyertaan tidak boleh mengandungi bahan yang memaparkan unsur-unsur fitnah, provokasi, lucah, ganas, berdiskriminasi (berdasarkan bangsa, agama, keturunan, ketakupayaan fizikal, orientasi seksual atau umur), menyalahi undang-undang (contohnya pengambilan alkohol di bawah umur, penyalahgunaan bahan, dan lain-lain) menyenggung perasaan, bersifat ancaman, menghina atau berbentuk gangguan; dan
- (l) Peserta yang Layak dibenarkan untuk menghantar penyertaan beberapa kali dengan menggunakan berbilang akaun tetapi hanya SATU akaun Peserta yang Layak tersebut yang layak memenangi pertandingan;

- 4.2. Penyertaan adalah percuma dan akan dianggap sebagai penerimaan dan persetujuan jelas Peserta yang Layak terhadap Terma dan Syarat ini serta Peraturan Polisi Privasi Penganjur.
  - 4.3. Setiap penyertaan akan dinilai oleh panel juri yang terdiri daripada pihak Penganjur dan Rakan Strategik (“**Panel Juri**”).
  - 4.4. Video penyertaan hendaklah menepati Terma dan Syarat yang ditetapkan. Video yang tidak menepati Terma dan Syarat akan terbatal secara sendiri.
  - 4.5. Sebarang kos, yuran dan/atau perbelanjaan yang ditanggung atau akan ditanggung untuk menyertai Peraduan ini dan/atau menuntut hadiah termasuk tetapi tidak terhad kepada kos untuk pengangkutan, penginapan, makan, kos peribadi dan/atau sebarang kos lain (manapun yang berkaitan) adalah di bawah tanggungjawab penuh Peserta yang Layak.
  - 4.6. Penganjur mempunyai hak eksklusif untuk menggunakan, menyalin, sublesen, menyampaikan, mengagihkan, mempersebahkan secara terbuka, menerbitkan, mengeluarkan, atau mempamerkan mana-mana penyertaan, atau mana-mana bahagian daripada penyertaan, dalam mana-mana dan semua media termasuk tetapi tidak terhad kepada semua bentuk Internet, televisyen, dan protokol wayarles tanpa kewajipan untuk memberi apa-apa bentuk bayaran, ganjaran dan/atau pampasan kepada Peserta yang Layak dan tanpa notis terlebih dahulu.
- 4.7. Pemilihan pemenang oleh Panel Juri akan dinilai berdasarkan kriteria berikut:
- (i) Video kreatif berdurasi 1 minit yang mempromosi lokasi tarikan pelancong, gerai makanan, warisan tempatan atau bangunan bersejarah yang terdapat di sepanjang rangkaian Lebuhraya PLUS beserta kapsyen yang menggambarkan erti sebenar Merdeka dalam Bahasa Malaysia;
  - (ii) Jumlah daftar masuk (check-ins) di Kawasan Rehat & Rawat (R&R), Hentian Sebelah (*Lay-by*) atau lokasi yang disenaraikan di dalam PLUS Passport;
  - (iii) Perjalanan melebihi 100km di Lebuhraya PLUS dalam tempoh 1 Ogos 2025 hingga 16 September 2025; dan
  - (iv) Jumlah tanda suka (likes), perkongsian (shares), keterlibatan (engagement), dan tontonan (views).

## 5. PEMENANG DAN HADIAH-HADIAH :

- 5.1. Pihak Penganjur akan menawarkan satu (1) hadiah untuk setiap pemenang pertama, kedua, ketiga dan sepuluh (10) hadiah saguhati kepada para pemenang saguhati.
- 5.2. Hadiah-hadiah adalah seperti berikut:
  - **Hadiah Pertama** : Canon G7x Mark II x 1 pemenang
  - **Hadiah Kedua** : DJI Osmo Pocket 3 x 1 pemenang
  - **Hadiah Ketiga** : Insta360 Go 3S x 1 pemenang
  - **Hadiah Saguhati** : Touch' n Go eWallet Pin bernilai RM200 x 10 pemenang

## **6. PENGUMUMAN DAN PENEBUSAN HADIAH**

- 6.1. Nama para pemenang akan diumumkan dalam **pada minggu terakhir bulan September 2025\*** melalui akaun rasmi media sosial TikTok @PLUS\_Malaysia.  
*\*Tertakluk kepada perubahan.*
- 6.2. Pemenang akan dimaklumkan melalui mesej terus (*direct message*) (“**DM**”) oleh Pentadbir Tik Tok Pengajur (“**Admin**”) ke akaun Peserta yang Layak. Jika Admin TIDAK menerima sebarang jawapan daripada pemenang dalam dua (2) hari bekerja selepas dimaklumkan, pemilihan pemenang tersebut akan terbatal dan hadiah kemenangan akan dilucutkan. Pengajur berhak untuk melakukan pemilihan semula pemenang berikutnya yang layak. Pengajur TIDAK bertanggungjawab dalam sebarang cara jika DM tidak diterima oleh Pemenang atau DM tidak dibaca.
- 6.3. Pemenang yang telah dihubungi oleh Admin melalui DM dikehendaki untuk mengemukakan butiran penyertaan yang dipohon melalui DM.
- 6.4. Butiran penyertaan yang perlu dikemukakan antara lain adalah nama penuh, nama pengguna (“username”), akaun TikTok, nombor MyKad/MyPR/passport dan alamat surat-menyurat (seperti yang dinyatakan di dalam MyKad/MyPR/passport), nombor telefon dan alamat e-mel (“**Butiran Penyertaan**”). Bagi persetujuan terhadap Peraturan, Terma dan Syarat ini dan Peraturan dalam Polisi Privasi PLUS Berhad, sila rujuk klausula 9.2.
- 6.5. Pemenang yang gagal menghantar Butiran Penyertaan dalam **tempoh dua (2) hari** bekerja dari tarikh makluman ATAU memberikan Butiran Penyertaan yang tidak lengkap atau tidak tepat akan dibatalkan kemenangan dengan serta-merta.
- 6.6. Pengajur berhak mengikut budi bicara mutlaknya untuk menggantikan mana-mana hadiah dengan barang yang sama nilainya, pada bila-bila masa tanpa notis terlebih dahulu. Semua hadiah diberikan dalam 'keadaan sedia ada' dan tidak boleh ditukar dengan wang tunai, kredit, barang lain atau baucar, sama ada sebahagian atau sepenuhnya.
- 6.7. Peserta yang Layak hanya layak memenangi satu (1) hadiah sahaja daripada eraduan sepanjang Tempoh Peraduan.
- 6.8. Hadiah mestilah dituntut dalam masa **tiga puluh (30) hari** dari tarikh rasmi pengumuman pemenang. Tiada sebarang tuntutan hadiah boleh dibuat selepas tempoh ini. Pemenang dikehendaki hadir ke ibu pejabat Pengajur untuk mengambil hadiah peraduan. Untuk urusan tuntutan, sila hubungi admin TikTok @plus\_malaysia.
- 6.9. Semua keputusan yang diumumkan pihak Pengajur adalah muktamad dan tiada sebarang tuntutan atau pertikaian atau rayuan mengenai keputusan akan dilayan dalam hal ini.

## **7. LIABILITI DAN TANGGUNGJAWAB**

- 7.1. Pengajur, syarikat-syarikatnya yang berkaitan dan bersekutu serta agensinya dan syarikat-syarikat yang berkaitan dengan Peraduan menafikan sebarang dan semua liabiliti yang timbul daripada Peraduan ini dan tidak akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan atas

sebarang kehilangan (termasuk tanpa had, kehilangan tidak langsung, khas atau akibat atau kehilangan keuntungan, kerugian jangkaan, kerugian pendapatan, ganti rugi teladan), perbelanjaan, kerosakan, kecederaan peribadi atau kematian yang dialami (sama ada yang timbul daripada mana-mana kecuaian orang atau tidak) yang timbul daripada sebarang penyertaan Peserta yang Layak dalam Peraduan ini, penebusan dan/atau penggunaan hadiah, kecuali bagi sebarang liabiliti yang tidak boleh dikecualikan daripada undang-undang (yang mana liabiliti tersebut adalah terhad kepada jumlah minima yang dibenarkan oleh undang-undang).

- 7.2. Dengan menyertai Peraduan ini, semua Peserta yang Layak bersetuju untuk mempertahankan, menanggung rugi dan meletakkan Pengajur selamat daripada dan terhadap sebarang saman, tuntutan, kerugian, kerosakan dan perbelanjaan, termasuk fi guaman yang munasabah yang mungkin timbul daripada atau dalam hubungan dengan Peraduan.
- 7.3. Peserta yang Layak haruslah bertanggungjawab dan menanggung liabiliti penuh terhadap sebarang tuntutan, liabiliti, prosiding, kos dan perbelanjaan yang mungkin dihadapi oleh pihak Pengajur berkaitan atau berbangkit daripada penyertaan pelanggan dalam Peraduan ini (termasuk dan tidak terhad kepada kejadian tidak dijangka, kecederaan, kerosakan, tuntutan atau kemalangan (termasuk kematian) kerana menyertai Peraduan, penebusan dan/atau penggunaan hadiah. Pengajur tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang liabiliti, peristiwa, kerugian, kerosakan, tuntutan atau kemalangan yang tidak diduga (termasuk kematian) dalam apa jua situasi.
- 7.4. Peserta juga bersetuju bahawa pihak Pengajur tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kelewatan, kecederaan kepada Peserta yang Layak dan/atau kerosakan komputer atau telefon bimbit Peserta yang Layak dan/atau mana-mana pihak ketiga, sistem komputer atau peralatan yang berkaitan dengan atau akibat daripada akses kepada, penyertaan Peraduan ini, termasuk memainkan atau memuat turun sebarang bahan atau maklumat daripada laman web Pengajur dan berkaitan dengan Peraduan, penghantaran/muat naik informasi untuk Peraduan, termasuk tetapi tidak terhad kepada mana-mana kegagalan pelayan (*server*), kehilangan, kelewatan, kerosakan data atau kerosakan lain.
- 7.5. Pengajur tidak akan bertanggungjawab ke atas apa-apa kelewatan dan/atau kegagalan untuk menerima penyertaan kerana ketidakcekapan dari penyedia perkhidmatan Internet (*Internet Service Provider*) dan/atau rangkaian telekomunikasi yang digunakan oleh pelanggan untuk menyediakan perkhidmatan internet dan/atau telekomunikasi yang tepat pada masanya dan/atau cekap.

## **8. HAK PENGAJUR**

- 8.1. Dengan menyertai Peraduan ini, Peserta yang Layak bersetuju tidak akan menuntut, menggunakan atau mengeksplorasi penyertaan tersebut bagi sebarang tujuan dengan apa-apa cara pada bila-bila masa. Setiap Peserta yang Layak juga bersetuju bahawa Pengajur berhak untuk menerbitkan, memaparkan dan menggunakan nama dan/atau video-video Peserta yang Layak dan/atau para pemenang sebagai bahan untuk tujuan pengiklanan dan/atau publisiti tanpa memberi apa-apa bentuk ganjaran atau bayaran atau pampasan dan tanpa notis terlebih dahulu dan seterusnya bersetuju bahawa dengan menyertai Peraduan ini, peserta dan/atau pemenang mengenepikan semua hak yang berkaitan dengan video/sebarang muatan yang

mereka telah sertakan untuk Peraduan ini. Peserta yang Layak tidak berhak untuk menuntut pemilikan, hak harta-intelek, atau lain-lain bentuk pampasan terhadap bahan-bahan tersebut.

- 8.2. Dengan menyertai Peraduan ini, setiap Peserta yang Layak adalah dianggap telah membaca, memahami semua terma dan syarat Peraduan ini dan bersetuju sepenuhnya dan tanpa syarat untuk terikat dengannya (sama ada bila diubah atau berubah). Penganjur berhak untuk meminda Terma dan Syarat ini dimana perlu atas sebab undang-undang, teknikal atau komersil dan sebarang pindaan yang sedemikian akan berkuatkuasa apabila dipaparkan di laman web Penganjur. Sila semak terma dan syarat ini setiap masa untuk melihat jika terdapat sebarang perubahan.
- 8.3. Penganjur berhak untuk mengubah suai, menggantung atau membatalkan Peraduan ini pada bila-bila masa tanpa memberi notis terlebih dahulu sekiranya Peraduan tidak boleh dijalankan seperti yang dirancang, diganggu secara teknikal atau dirosakkan, termasuk tetapi tidak terhad kepada, jangkitan oleh virus komputer, pepijat, penggodaman, campur tangan tanpa izin, penipuan, kegagalan teknikal, atau apa-apa sebab di luar kawalan Penganjur, walaupun selepas usaha terbaik oleh Penganjur. Penganjur tidak akan bertanggungjawab atau menerima sebarang liabiliti yang ditanggung oleh Peserta yang Layak secara langsung atau tidak langsung yang disebabkan oleh perubahan ini.
- 8.4. Sebarang terma dan syarat yang terpakai untuk Peraduan ini yang menyalahi undang-undang, dilarang atau tidak boleh dikuatkuasakan di bawah sebarang undang-undang atau peraturan, akan tidak lagi terpakai (tanpa menjaskan kesahihan peruntukan yang lain).
- 8.5. Penganjur berhak, mengikut budi bicaranya, untuk membatalkan penyertaan mana-mana Peserta yang Layak yang didapati atau disyaki menyalahgunakan proses penghantaran penyertaan Peraduan, operasi Peraduan ini atau melanggar Terma dan Syarat ini. Penganjur mempunyai hak untuk mengambil tindakan undang-undang terhadap mana-mana individu yang Penganjur percaya telah melaksanakan aktiviti penipuan atau lain-lain aktiviti yang memberi kesan negatif kepada Peraduan ini.
- 8.6. Setiap Peserta yang Layak bersetuju bahawa beliau telah membaca, memahami dan menerima Terma dan Syarat Peraduan ini dengan penyertaan dalam Peraduan ini. Untuk sebarang pertanyaan berkaitan Peraduan ini, sila hubungi pentadbir melalui mesej terus di media sosial rasmi Tik Tok Penganjur.
- 8.7. Terma dan syarat yang ditetapkan untuk Peraduan ini adalah ditadbir dan ditafsirkan menurut undang-undang yang berkuat kuasa di Malaysia.
- 8.8. Semua keputusan yang dikeluarkan Penganjur berkaitan Peraduan ini adalah muktamad, terikat ke atas semua Peserta yang Layak, konklusif dan tidak boleh dipertikaikan. Sebarang surat menyurat, rayuan dan/atau percubaan untuk mempertikaikannya tidak akan dilayan.

## **9. POLISI DATA PERIBADI**

- 9.1. Dengan menyertai Peraduan ini, semua Peserta yang Layak dan pemenang bersetuju memberi keizinan kepada Penganjur dan/atau anak syarikat dan/atau syarikat-syarikat berkaitan dan/atau pihak ketiga yang dilantik oleh Penganjur, sekiranya ada, untuk mengumpul, merekod, memproses dan menggunakan data peribadi dan butiran penyertaan mereka oleh Penganjur

dan/atau anak syarikat dan/atau syarikat-syarikat berkaitan dan/atau pihak ketiga terhadap pengendalian Peraduan dan bagi apa-apa proses atau publisiti tanpa sebarang notis.

- 9.2. Semua Peserta yang Layak dan pemenang juga adalah dianggap bersetuju terhadap semua Polisi Data Peribadi, Polisi Privasi PLUS, Terma dan Syarat dan keputusan Penganjur dengan menyertai Peraduan ini. (Untuk Polisi Privasi lengkap Penganjur, sila rujuk pautan di laman web Penganjur di <https://bitly.cx/HH4Pw> ).

## **10. PERLEPASAN TIKTOK**

- 10.1. TikTok tidak mempunyai sebarang penglibatan dengan peraduan ini sama ada dari segi tajaan, atau penyeliaan. TikTok juga tidak terikat dengan apa-apa perjanjian dengan Peserta yang Layak Peraduan ini.
- 10.2. Dengan menyertai Peraduan ini, Peserta yang Layak bersetuju untuk mematuhi Terma dan Syarat di atas.
- 10.3. Sekiranya terdapat percanggahan antara Terma dan Syarat ini dengan bahan pengiklanan, promosi, publisiti dan bahan-bahan lain berkaitan atau bersabit dengan Peraduan ini, maka Terma dan Syarat ini akan terpakai. Sebarang perkara mengenai Peraduan yang tidak dinyatakan di dalam Terma dan Syarat ini adalah bergantung kepada budi bicara pihak Penganjur.

**- TERMA DAN SYARAT PERADUAN TAMAT -**